

ah: Tuntutan ina tak timbul

Bahan asal dari Arki
Negara Malaysia

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan, tuntutan Filipina ke atas Sabah tidak timbul, meskipun terdapat laporan mengatakannya perkara tersebut dibangkitkan semula.

Menjelaskan kedudukan sebenarnya, Perdana Menteri berkata, Presiden Marcos telah lupa memaklumkan kepada beliau bahawa pendapat yang dikemukakan oleh seorang Menteri negara itu bukanlah menggambarkan pendapat Kerajaan Filipina.

Katanya, laporan mengenai tuntutan terbaru negara tersebut mungkin tidak berasas kerana apa yang diperkatakan bukanlah sebagai pendapat Filipina.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata soal putus hubungan antara Manila dan Kuala Lumpur tidak timbul hanya disebabkan laporan tersebut.

Filipina telah mengemukakan tuntutan ke atas Sabah dalam Sidang Kemuncak Asean 1977. Selepas pengumuman mengenai pengurangan itu keadaan telah reda dan baru-baru ini perkara itu timbul kembali.

Ini adalah berikutan laporan-laporan yang menyebut tentang tuduhan Filipina kononnya Sabah terlibat dengan kegiatan terhadap pihak berkuasa Filipina.

Laporan itu juga menyebut Menteri Perhubungan negara itu, Juan Ponve Enrile, menuduh kononnya sebuah kem latihan pemberontak ditubuhkan di Jampiran, Sabah untuk melatih pemberontak-pemberontak menentang Kerajaan Manila.

Bercakap kepada para pemberita selepas mempengeruskan mesyuarat Majlis Tertinggi Kerja Tertinggi UMNO di sini, beliau berkata kedua-dua negara akan mencari jalan penyelesaian ke atas pengguguran tuntutan tersebut.

Bagaimanapun, Perdana Menteri tidak menyebut apakah usaha positif yang telah dijalankan antara kedua-dua buah negara itu sejak pengumuman pengguguran tuntutan tersebut.

Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh telah lupa menggesa Kerajaan Persekutuan memutuskan hubungan diplomatik dengan Filipina sekiranya soal tuntutan negara itu ke atas Sabah tidak diselesaikan.

Anggota Dewan Undangan Negeri Berjaya, Enck Baharum Datuk Abu Bakar Tinggan juga sebelum itu mendesak Kerajaan mengkaji semula perhubungan sedia ada dengan Filipina memandangkan terdapat minat baru negara itu dalam tuntutan ke atas Sabah.

Sementara itu di Labuan, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam berkata, Kerajaan tidak akan sama sekali membenarkan Sabah dijadikan 'gelanggang' sebarang tindakan pemulauan dan soal tuntutan Filipina ke atas negeri itu sedang diruskan melalui saluran diplomatik biasa.

Datuk Musa yang mengkriti lawatannya tiga hari ke Sabah, malam tadi menegaskan, tuntutan Manila ke atas Sabah tidak timbul sama sekali kerana kerajaan

telah menegaskan pendiriannya mengenai perkara tersebut berkali-kali di masa lalu.

Malahan, tegasnya, pendirian Malaysia telah diketahui oleh seluruh dunia termasuk kerajaan Filipina sendiri.

L a n g k a h memutuskan hubungan diplomatik adalah satu tindakan keterlaluan dan serluh yang lazimnya mencerminkan objektif terakhir pilihan kerajaan di dalam dasar perhubungan antarabangsa', katanya ketika merujuk gesaan kerajaan negeri Sabah supaya memutuskan hubungan diplomatik dengan negara itu.

'Saya hanya boleh berkata bahawa saya menghormati pandangan Ketua Menteri Sabah, Datuk Harris Salleh mengenai perkara ini kerana ia mencerminkan pandangan seluruh rakyat Sabah', tambahnya.

Datuk Musa yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri berkata, sebarang masalah yang timbul antara negara-negara Asean boleh diselesaikan melalui saluran diplomatik biasa dan tidak membenarkan sebarang perkara atau masalah menghancurkan semangat perpaduan Asean.

Mengenal laporan yang mendakwa terhadap sebuah bom perang dunia kedua yang masih tertanam di kawasan pantai daerah Papar, Datuk Musa menjelaskan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah dirarah menyalut segera perkara tersebut.

Baru-Baru ini sebuah akhbar tempatan di Semenanjung menyiarakan laporan yang menyatakan bahawa seorang rakyat Australia mendakwa beliau telah menanam beberapa butir bom di kawasan Pantai Papar semasa Perang Dunia Kedua dulu.